

TEKS UCAPAN
YBHG. PROFESOR DATUK Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

MAJLIS SAMBUTAN HARI JADI TUN KE-75

11 September 2024, 3.00 Petang

Hotel Courtyard by Marriot

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit Dunia

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat

Salam UTeM ku Sayang

Menjajar Universiti, Melonjak ke Hadapan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Yang Amat Dikasihi Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji
Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan

**Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hjh. Asmah
binti Ab Rahman**

جامعة ملاكا التقنية

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


1. Sempena hari yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh keluarga UTeM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan YABhg. Toh Puan untuk hadir di majlis yang dianjurkan khas oleh UTeM pada hari ini bertujuan untuk menyambut **Hari Jadi Tuan Yang Terutama Tun Canselor UTeM ke-75.**
2. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan YABhg. Toh Puan hadir pada Majlis ini amat bermakna buat seluruh keluarga UTeM.

Keprihatinan daripada Tuan Yang Terutama Tun dan YABhg. Toh Puan sesungguhnya dapat menyemarakkan lagi keazaman seluruh keluarga UTeM untuk terus gigih demi memastikan kelestarian dan kecemerlangan UTeM.

3. Kami seluruh keluarga UTeM senantiasa mendoakan Tuan Yang Terutama Tun dan YABhg. Toh Puan sekeluarga dilimpahi rahmat, diberkati usia, sihat tubuh badan dan dimurahkan rezeki

untuk terus memimpin Universiti juga Negeri Melaka ke arah kegemilangan.

4. Tuan Yang Terutama Tun dan YABhg. Toh Puan, mohon diizinkan saya untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin yang saya hormati.



جامعة ملaka التقنية

SALUTASI

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
Seperti di Lampiran

5. Alhamdulillah, pertamanya marilah kita bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan rahmatnya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini untuk **menyambut Hari Jadi Tuan Yang Terutama Tun Canselor UTeM yang ke-75**. Kesudian semua dif-dif kehormat serta tetamu jemputan hadir bersama sudah pastinya menambah seri majlis yang direncanakan pada hari ini selain dapat kita mengeratkan hubungan silaturahim sesama keluarga Universiti. Saya bagi pihak Universiti mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua tetamu yang hadir pada hari ini.

6. Seperti yang semua sedia maklum, majlis yang dianjurkan pada hari ini adalah bertujuan untuk menyambut **Hari Jadi Tuan Yang Terutama Tun Canselor UTeM yang ke-75** dan secara tidak lansung sebagai satu tanda penghargaan kepada **Tuan Yang Terutama Tun sebagai Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka**. Pada hari ini, bersempena dengan majlis ini, kami telah mengumpulkan Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Tertinggi Universiti, staf-staf Universiti dan juga Majlis Perwakilan Pelajar.

7. Untuk makluman Tuan Yang Terutama Tun dan YABhg. Toh Puan juga, pada hari ini UTeM turut **menjemput wakil-wakil daripada beberapa buah sekolah dan juga pertubuhan yang terlibat dari sekitar Negeri Melaka** untuk bersama-sama dalam majlis ini. Ini adalah sebagai satu keprihatinan UTeM untuk berkongsi rezeki bersama-sama dengan komuniti selain daripada **merapatkan hubungan bersama dengan masyarakat setempat** seperti yang disarankan oleh Tuan Yang Terutama Tun.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

8. Hasrat utama kami adalah untuk memastikan bahawa **UTeM menjadi pemangkin ilmu dan juga pusat rujukan bagi masyarakat setempat**. Bukan itu sahaja, oleh kerana UTeM berada di Melaka Bandaraya Bersejarah, maka sewajarnya aktiviti dan program yang dianjurkan turut sama melibatkan komuniti setempat supaya **visibility UTeM akan lebih terserlah** selain dapat **mempromosikan UTeM di kalangan rakyat Melaka**.
9. Di sini juga saya ingin mengalu-alukan kepada sekolah-sekolah sekitar Negeri Melaka untuk kita **bekerjasama dalam pelbagai**

bidang terutama yang melibatkan STEM dan juga TVET. UTeM juga sangat mengalu-alukan pelaksanaan **program sekolah angkat** yang telah pun kami jalankan di beberapa buah sekolah di sekitar Negeri Melaka melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar.

**Tuan Yang Terutama Tun, YABhg Toh Puan serta hadirin dan
hadirat yang dihormati sekalian,**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

10. Pada hari ini juga, UTeM turut ingin menyampaikan **sumbangan item terpakai kepada sekolah-sekolah dan juga pertubuhan yang terlibat di Negeri Melaka**. Sumbangan-sumbangan ini adalah bagi membantu pengoperasian sekolah-sekolah yang memerlukan dalam memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran dapat berlangsung dalam keadaan yang selesa. Barang yang akan disampaikan adalah sebanyak **1,887 barang meliputi perabot pejabat, perabot asrama, perabot bilik kuliah, penghawa dingin dan kipas siling**.

11. Antara penerima sumbangan ini adalah:

- I. Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
- II. Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Nibong
- III. Jabatan Agama Islam Melaka
- IV. Majlis Agama Islam Melaka
- V. SK Bukit Beruang
- VI. SK Gangsa


- 
- VII. SK Seri Machap
 - VIII. SMK Seri Kota
 - IX. SK Bukit Lintang
 - X. SK Ujong Pasir
 - XI. Pertubuhan Darul Ikhlas Negeri Melaka, dan lain-lain

12. Barang terpakai yang akan disumbangkan ini berada dalam keadaan yang sangat baik dan disumbangkan berdasarkan kepada keperluan sekolah-sekolah dan pertubuhan yang

terlibat. Untuk makluman Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan YABhg. Toh Puan, **pihak sekolah juga telah datang dan melihat sendiri kondisi barang-barang tersebut dan bersetuju untuk menerima bagi penggunaan di sekolah masing-masing.** Diharapkan barang tersebut sedikit sebanyak akan dapat membantu sekolah-sekolah yang terlibat dalam penyediaan kemudahan pembelajaran kepada pelajar.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

13. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa program yang komited dalam memastikan majlis ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan.



جامعة ملaka التقنية


UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan YABhg. Toh Puan,

Sekian sahaja ucapan saya.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin berterima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan di atas kesudian hadir ke majlis ini. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan amatlah kami hargai.

Serangkap pantun untuk Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

